

Semakin ramai wanita pilih sertai bomba

Semangat juang hingga dorong pelatih direkrut jayakan misi menyelamat

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

Marang: Peningkatan penyertaan wanita bagi mengisi pelbagai jawatan di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mencerminkan kerjaya berkenaan memberi peluang kepada semua tanpa mengira jantina.

Penyertaan itu juga dilihat sebagai penanda aras bahawa golongan yang dianggap lemah itu juga mempunyai semangat juang yang tinggi dalam menjayakan misi menyelamat mangsa dalam apa juga keadaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata pasukan bomba akan merekrut lebih ramai wanita untuk tugas khusus yang memerlukan santunan golongan berkenaan kepada mangsa.

Beliau berkata, pihaknya me-

lihat pelatih wanita memiliki kecakapan dalam menjayakan tugas kebombaan dan menggalakkan lebih ramai wanita sertai pasukan dalam usaha mengembangkan kerjaya masing-masing.

"Kesungguhan dan disiplin yang tinggi sepanjang tempoh latihan ini menggambarkan mereka mampu melaksanakan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan Perbarisan Tamat Latihan Kursus Sijil Sains Kebombaan, KB19 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid. Pada siri satu 2019 kali ini menyaksikan seramai 689 pelatih menamatkan latihan



Zuraida menyampaikan Anugerah Pelatih Terbaik kepada Nur Azrin Shahira Majid sambil diperhatikan Mohammad Hamdan di Marang, semalam. (Foto Mfan Makhza)

Sejumlah 44 daripadanya adalah wanita berbanding siri latihan tahun lalu, dua pelatih wanita daripada 141 pelatih.

Sehingga kini seramai 647 anggota dan pegawai JBPM terdiri daripada wanita dengan seorang daripadanya memegang jawatan Pengarah JBPM Kedah dan tiga lagi ketua balai.

Beliau berkata, dengan adanya jawatan tertinggi pada peringkat membuat keputusan disandang wanita, kerjaya ini menjadi tarikan kepada wanita di luar sana untuk ikut serta.

"Pada setiap promosi kerjaya, kami menampilkan barisan ang-

Kesungguhan dan disiplin yang tinggi sepanjang latihan ini menggambarkan mereka mampu laksana tugas dengan penuh tanggungjawab.

Zuraida Kamaruddin,
Menteri Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

gota wanita supaya menjadi tarikan lebih ramai anak muda di luar sana menyertai pasukan bomba.

"Menjadi kebanggaan apabila pelatih yang berjaya menamatkan latihan kali ini turut terdiri daripada hampir 100 pemegang diploma dan 30 pelatih memiliki ijazah.

"Ini sangat membanggakan kerana aliran karier sebagai anggota bomba mendapat sambutan graduan peringkat ijazah dan diploma. Ini dapat menaik taraf perkhidmatan bomba kepada rakyat, masyarakat dan negara," katanya.